

PM: Pupuk semula persaudaraan Islam

UM 16 MAR 2000

KUALA LUMPUR 15 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, permusuhan politik sesama umat Islam di negara ini tidak harus dikekalkan sehingga menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat.

Sebaliknya, kata beliau, sempena musim haji ini perbezaan politik di kalangan umat Islam hendaklah diatasi dengan memupuk semula persaudaraan Islam sesama mereka.

“Sebagai sebuah negara demokrasi, kita perlu ada parti-parti politik dan kita menyokong parti yang kita minati. Tetapi permusuhan politik tidak harus dikekalkan sehingga keadaan masyarakat menjadi tegang,” katanya dalam perutusan khas sempena Hari Raya Aidiladha yang dikeluarkan di sini hari ini.

Di samping itu, Dr. Mahathir menyeru umat Islam supaya sentiasa insaf dan bersyukur atas segala nikmat yang diperoleh.

Katanya, umat Islam harus membuktikan keinsafan dan kesyukuran mereka dengan

bersedia untuk mengorbankan kepentingan diri serta berusaha merapatkan hubungan silaturahim sesama umat Islam.

“Pada masa yang sama kita berusaha mengelak daripada bersengketa dengan kaum-kaum lain,” tambahnya.

Selain itu kata Dr. Mahathir, umat Islam perlu bersyukur kerana mereka bebas melakukan ibadah tanpa berasa takut ditimpa apa-apa musibah.

● Teks ucapan penuh PM di muka 6

Menurut beliau, agama Islam dihormati walaupun penganut agama lain menjadi minoriti yang besar di negara ini.

“Mereka menghormati agama kita. Walaupun kita menjadi majoriti dan boleh memerintah negara ini, kita tidak tamak sebaliknya sanggup berkongsi pentadbiran dengan mereka dan memberi kebebasan beragama kepada mereka,” katanya.

Beliau berkata, keadaan yang dialami oleh rakyat negara ini berbeza dengan apa yang

ditempuhi oleh umat Islam di Kosovo, Bosnia Herzegovina dan Palestin yang tidak dapat hidup sempurna kerana ditindas oleh orang lain.

Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia bukan sahaja bebas daripada sebarang tekanan musuh malah tidak pernah kekurangan apa-apa kemudahan sama ada makanan, pakaian, pekerjaan mahupun tempat perlindungan.

Beliau menambah, rakyat negara ini tidak perlu berhijrah ke negara lain untuk mendapatkan pekerjaan dan negara juga bebas daripada malapetaka besar.

“Sementara jiran-jiran kita sering dilanda banjir besar, ribut taufan, gempa bumi serta letupan gunung berapi, kita sebenarnya dilindungi daripada ribut taufan oleh jiran-jiran kita,” ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, rakyat sepanjang masa harus bersyukur dengan nikmat yang diterima dan jika dikehendaki berkorban, tidak keberatan untuk berbuat demikian.